



21 September 2012  
21 September 2012  
P.U. (A) 307

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH KAWALAN PERTUKARAN WANG (TABUNG INFRASTRUKTUR ASEAN) (PENGECUALIAN) 2012

### *EXCHANGE CONTROL (ASEAN INFRASTRUCTURE FUND) (EXEMPTION) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KAWALAN PERTUKARAN WANG 1953  
PERINTAH KAWALAN PERTUKARAN WANG (TABUNG INFRASTRUKTUR  
ASEAN) (PENGECUALIAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 dan subseksyen 43(2) Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*], Pengawal Pertukaran Wang Asing membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Pertukaran Wang (Tabung Infrastruktur ASEAN) (Pengecualian) 2012.**
  
- (2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 24 April 2012.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“bank saudagar berlesen” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*];

“pegawai” ertinya seorang pegawai Tabung Infrastruktur ASEAN termasuklah seorang wakil Bank Pembangunan Asia atau kerajaan negara anggota ASEAN dalam Tabung Infrastruktur ASEAN;

“Tabung Infrastruktur ASEAN” ertinya Tabung Infrastruktur ASEAN Berhad (No. Syarikat: LL08892) yang diperbadankan sebagai suatu syarikat Labuan berhad dengan syer di bawah subseksyen 15(3) Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*].

**Pengecualian**

3. (1) Tabung Infrastruktur ASEAN hendaklah dianggap sebagai bukan pemastautin bagi maksud Akta.
  
- (2) Tertakluk kepada subperenggan (3), (4) dan (5), semua transaksi yang